

NAMA : ..... TINGKATAN : ..... TARIKH : .....



**OBJEKTIF**

1. Berikut adalah amalan yang patut dilakukan ketika menziarahi jenazah.
  - A Berdoa supaya jenazah mendapat keampunan
  - B Membicarakan hal-hal berkaitan dunia ni
  - C Menunaikan solat zuhur
  - D Menunaikan solat hajat
2. Antara perkara yang perlu dielakkan ketika menziarahi jenazah ialah
  - i mengumpat dan mengata kepada simati
  - ii menangisi ke atas kematiannya
  - iii mendoakan kepada simati
  - iv bergurau senda
  - A i dan ii
  - B i dan iv
  - C ii dan iv
  - D iii dan iv
3. “ Islam mlarang seseorang meratap kematian ”. Maksud meratapi dalam pernyataan tersebut ialah
  - A tidak reda dengan takdir Allah SWT
  - B kecewa dan sedih keatas kematian tersebut
  - C menganggap diri penyebab kepada kematian tersebut
  - D meraung-raung sambil melakukan perkara yang boleh menyeksakan tubuh badan
4. Apakah perkara yang sunat dilakukan ketika berada di rumah simati.
  - A Membaca ayat-ayat Al Quran
  - B Membantu ahli keluarga si mati
  - C Menenangkan perasaan waris si mati
  - D Mengingatkan waris si mati supaya bersabar

## ISI TEMPAT KOSONG

- 1 Hukum menziarahi jenazah adalah \_\_\_\_\_
- 2 Menziarahi jenazah akan dapat mengeratkan persaudaraan dan \_\_\_\_\_ sesama Islam.
- 3 Mengucapkan takziah kepada keluarga si mati boleh dilakukan selama tempoh \_\_\_\_\_
- 4 Kita dilarang bercakap melainkan perkara-perkara yang \_\_\_\_\_ semasa menziarahi jenazah.
- 5 \_\_\_\_\_ ke atas simati adalah dilarang semasa menziarahi jenazah.

## BAHAGIAN B

1. Menziarahi jenazah adalah satu amalan yang dituntut dalam Islam.
  - (i) Terangkan **dua** kelebihan menziarahi jenazah.  
[ 4 markah ]
2. Nyatakan **dua** amalan yang harus dijauhi semasa menziarahi jenazah ?  
[ 4 markah ]
3. Islam mengariskan beberapa panduan ketika menziarahi jenazah.
  - (i) Nyatakan **dua** adab menziarahi jenazah.  
[ 2 markah ]
  - (ii) Terangkan **dua** perbezaan cara menziarahi jenazah muslim dan bukan muslim .  
[ 4 markah ]